



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI PULAU PINANG
PARAS 3, 21 DAN 22
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG



Tel: 04 - 650 5211 (Pejabat Am)
Faks: 04 - 2619588
Laman Web: <http://ptg.penang.gov.my>

Ruj.Kami : PTG/PP/AUD/206 (34)
Tarikh : 22 November 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN.

Tuan / Puan,

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN BILANGAN 2/2021
GARIS PANDUAN MEMPROSES PERMOHONAN-PERMOHONAN TANAH.**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Hasil dari keputusan mesyuarat di antara Timbalan Pengarah Tanah dan Galian dan Ketua-ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) yang diadakan pada 7hb. dan 8hb. Disember 2017 di Penang Skills Development Centre (PSDC) Bayan Baru dan mesyuarat di antara Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir-pentadbir Tanah yang diadakan pada 14hb. dan 15hb. Disember 2017 di Hotel Seri Malaysia Kepala Batas, mesyuarat telah bersetuju dengan beberapa deraf garis panduan mengenai permohonan-permohonan tanah yang telah disediakan oleh Pegawai Penyelaras Urusan Tanah.

3. Garis panduan ini adalah untuk memudahkan rujukan oleh pegawai dan kakitangan Pentadbiran Tanah di Pulau Pinang. Garis panduan tersebut disediakan hasil dari kursus dan perbincangan serta bengkel yang diadakan sepanjang tahun 2017 dan 2018 bersama-sama Pegawai Penyelaras Urusan Tanah, Penolong-penolong Pentadbir Tanah dan kakitangan Pentadbiran Tanah. Garis panduan tersebut telah dimuktamadkan dan diedarkan untuk rujukan.

4. Garis panduan tersebut adalah seperti berikut:

1. Permohonan Perizaban Tanah bagi maksud awam di bawah seksyen 62 KTN, pajakan Tanah Rizab dan pembatalan Tanah Rizab.
2. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara dan Pembaharuan Lesen Pendudukan Sementara.

SILA SEBUTKAN NO. RUJUKAN PEJABAT INI APABILA MENJAWAB

**CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS
KE ARAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN TANAH**

3. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara dan permit yang disatukan, permit untuk mengeluar, mengambil dan mengangkut bahan batuan dan permit penggunaan ruang udara.
4. Permohonan Pemberimilikan Tanah, perlanjutan tempoh pajakan dan pemberimilikan tanah secara lelong.
5. Permohonan Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula.
6. Permohonan Pecah Sempadan Tanah.
7. Permohonan Pecah Bahagian Tanah.
8. Permohonan Penyatuan Tanah.
9. Permohonan tukar syarat, pecah sempadan dan tukar syarat serentak di bawah seksyen 124A KTN.
10. Pengurusan kutipan cukai tanah, kutipan tunggakan dan pengeluaran notis 6A.
11. Permohonan Hak Lalu Lalang Pentadbiran Tanah.
12. Permohonan Penyerahan Seluruh Tanah dan Sebahagian Tanah.
13. Permohonan pengeluaran dari warta kawasan Tanah Bukit di bawah Akta Pemuliharaan Tanah 1960.

5. Saya amat berharap semoga garis panduan ini akan dijadikan bahan rujukan utama selain Kanun Tanah Negara oleh semua kakitangan pentadbiran tanah di Pulau Pinang. Garis panduan ini akan ditambah baik dari masa kesemasa mengikut kesesuaian.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG)

Pengarah Tanah dan Galian

Pulau Pinang.

EDARAN DALAMAN

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Perancangan dan Pembangunan)

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pendaftaran dan Hasil)

Ketua Unit Hakmilik Strata

Ketua Unit Teknologi Maklumat

Ketua Unit Pendaftaran Hakmilik

Ketua Unit Pembangunan

Ketua Unit Penguatkuasaan dan Teknikal

Ketua Unit Perundangan

Ketua Unit Audit Pengurusan

Ketua Unit Hasil

Ketua Unit Khidmat Pengurusan

SENARAI EDARAN.

Pentadbir Tanah

Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah

Jalan Betek, Sungai Rambai

14000 Bukit Mertajam

Pulau Pinang.

Pentadbir Tanah

Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Selatan

14200 Sungai Jawi

Pulau Pinang.

Pentadbir Tanah

Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara

13200 Bertam, Kepala Batas

Pulau Pinang.

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut
Tingkat 51, KOMTAR
10000 Pulau Pinang
Pulau Pinang.

Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang.

SpekellingPTG/s2021